

19/11/1999

BN ikrar pertahan maruah bangsa

PUTRAJAYA, Khamis - Barisan Nasional (BN) berikrar meneruskan perjuangan bagi memastikan kebebasan, perpaduan rakyat serta kemajuan negara tidak diganggu gugat parti pembangkang serta pihak asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, media dan pihak asing diingatkan supaya tidak campur tangan dalam urusan negara serta rakyat termasuk ketika proses pilihan raya ini.

Perdana Menteri berkata, BN berjanji untuk terus mempertahankan kebebasan negara daripada ancaman kuasa asing melalui apa cara sekali pun termasuk ekonomi.

"Harap orang lain tidak campur tangan dalam urusan rumah tangga kita," katanya pada pertemuan hampir sejam dengan pengarang akhbar dan stesen televisyen tempatan di pejabatnya, petang ini.

Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah negara bebas dan rakyatnya tahu selok-belok politik serta demokrasi.

"Kita tidak perlu sokongan dan bantangan orang asing yang menentukan siapa memerintah kita. Kita bebas. Semua ditentukan oleh rakyat sendiri.

"Kita harap tidak ada unsur bantuan asing (kepada parti pembangkang termasuk melalui dana tertentu)," katanya.

Beliau menegaskan, BN akan pertahankan kebebasan negara dan rakyat dalam bidang ekonomi, sosial, budaya serta politik.

"Kita pegang kuat kepada kepercayaan ini. Budaya kita tidak kurang daripada nilai-nilai negara maju malah ia lebih mulia dan baik serta mampu memberi kejayaan.

"BN ikrar teruskan perjuangan untuk kebebasan, perjuangan dan kemajuan. Ini janji kita," katanya.

Selain itu, katanya, BN akan meneruskan pentadbiran yang cekap, berwibawa dan telus supaya rakyat dapat menikmati sistem pentadbiran yang baik.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata, keupayaan dan sistem itu akan diperkemaskan dari semasa ke semasa termasuk menggunakan teknologi maklumat (IT).

Dr Mahathir berkata, pilihan raya ini penting bagi mendapatkan mandat rakyat dan meneruskan matlamat kerajaan untuk memajukan rakyat serta negara.

"Asas hendaklah diletakkan dengan kemas supaya negara dapat menuju arah Wawasan 2020 iaitu membangunkan negara menjadi negara maju pada 2020.

"BN menganggap (diberi) mandat sebagai kerajaan satu tanggungjawab yang berat. Kami mempunyai banyak rancangan dan idea baru untuk memajukan negara. Dan idea ini ada kaitan dengan pembangunan perusahaan dalam IT," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir bimbang kecenderungan parti pembangkang yang dikhuatiri mencetuskan rusuhan dan mengupah samseng untuk mengganggu kelancaran pilihan raya kali ini jika mendapati peluang mereka menang, tipis.

"Harap pilihan raya kali ini tanpa gangguan walau jangkakan akan ada gangguan apabila ada parti yang harapannya (untuk menang) tipis. Dan akan ada buat tuduhan pilihan raya ini tidak berjalan secara teratur dan dengan itu dia cuba ada (cetuskan) rusuhan.

"Kita sudah sedia, pasukan keselamatan 'anticipate' sebarang gangguan dan pastikan pengundian akan dapat diadakan dengan teratur.

"Kita juga jangka (pembangkang) guna samseng semasa kempen pilihan raya untuk mencuba menggagalkan kempen dan ceramah BN.

"Ini juga kita 'anticipate' dan kita akan tentukan ia dapat dihalang.

"Bagi pihak BN, kita anggap amat penting mandat ini diteruskan oleh kerana seperti dalam sajak saya...tugas kita belum selesai," katanya.

Dr Mahathir turut mengimbas bagaimana demonstrasi di negara ini reda apabila tokoh tertentu menyertai kerajaan BN manakala individu lain melarikan diri ke luar negara.

Tetapi apabila tokoh itu keluar kerajaan dan kembali dari luar negara, mereka menggunakan pendekatan serupa untuk mencetuskan huru-hara.

Senario itulah, kata Perdana Menteri, turut membezakan cabaran BN yang dihadapi pada pilihan raya 1990 dengan 1999.

"Kali ini ada kemungkinan rusuhan berlaku. Orang guna cara-cara yang bertentangan undang-undang dan amalan biasa. Dulu kita tidak lihat pegawai polis dipukul dan motosikal polis dibakar," katanya.

Dr Mahathir turut membidas kecenderungan media asing yang terbabit menyokong parti pembangkang dan tidak pernah memberi liputan yang baik mengenai kerajaan BN.

(END)